

Surat khabar: Utusan Malaysia (Kampus Life)

Hari/Tarikh: 28/12/2013

Muka surat: 18

Tajuk : Kolokium Sains Pembelajaran Ke-2 Unimas.

ADA aktiviti
kampus?
Sila hantarkan
kepada kami di
com@utusan.com.my
atau hubungi
03-92322930



KESEMUA peserta Kolokium Sains Pembelajaran Ke-2 Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sempat merakam gambar beramai-ramai yang disertai para juri selepas selesainya program pembentangan.

Kolokium Sains Pembelajaran Ke-2 Unimas

KOLOKIUM Sains Pembelajaran merupakan elemen wajib untuk kursus KML 6054 Seminar dalam Sains Pembelajaran (Kerja Kursus) di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Dengan menggunakan *Learning Sciences: Moving Towards 21st Century Learning* sebagai tema, seramai 19 orang pelajar iaitu 17 orang daripada kohort satu dan dua Sarjana Sains (Sains

Pembelajaran), serta dua orang pelajar lagi merupakan pascasiswazah (penyelidikan) telah mengambil bahagian untuk membentangkan hasil kajian secara lisan kepada penonton.

Setiap peserta membentangkan hasil penulisan mereka dalam masa yang ditetapkan, iaitu sepuluh minit bagi setiap pelajar, di mana tujuh minit untuk pembentangan dan tiga minit untuk sesi soal jawab.

Untuk sesi soal jawab, hanya satu soalan yang akan dibenarkan daripada penonton. Penyelidikan dan penulisan mereka merangkumi perspektif Sains Pembelajaran dan dinilai serta diberi markah oleh sekumpulan panel yang bertauliah.

Kolokium Sains Pembelajaran ialah aktiviti akademik yang dilakukan setiap semester yang bertujuan memberi peluang kepada semua pelajar Sarjana Sains Pembelajaran untuk membentangkan hasil

penulisan mereka.

Selain itu, mereka juga berpeluang memperkenalkan dan mempromosikan program Sarjana Sains Pembelajaran yang ditawarkan di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) Unimas.

Kolokium ini juga berfungsi sebagai platform atau medium untuk membincangkan tentang visi baru, cabaran dan juga isu-isu yang berkaitan dengan Sains Pembelajaran. ☺